

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93**

April 1993

FFP 361 Farmasi Forensik

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan dan 5 muka surat yang bertaip.

Jawab **SEMUA** soalan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Di bawah Akta Racun 1952 dan Perundangan-Perundangan kecil di bawahnya, iaitu Peraturan Racun 1952 dan Peraturan Racun (Bahan-Bahan Psikotropik) 1989, apakah keperluan-keperluan yang dikenakan di dalam situasi yang dinyatakan di bawah:

- (a) Seorang pekerja sedang bekerja di dalam sebuah kedai farmasi runcit menerima satu preskripsi dari pesakit untuk membekalkan Tab. Klorfeniramina 5 mg tds. 5/7, dan terus mendispensikan preskripsi tersebut.
- (b) Seorang mengilang satu kelompok Tablet Diazepam 2 mg. di dalam sebuah loji pengilangan swasta dan tanggung-jawabnya berakhir apabila kelompok itu siap untuk dibungkus.

(18 markah)

2. Seorang ahli farmasi di dalam sebuah loji pengilangan farmaseutik mengeluarkan satu sediaan batuk cecair dengan formula berikut:

Tripolidina Hidroklorida	1.25 mg
Pseudoefedrine Hidroklorida	30 mg
Kodein Fosfat	10 mg
Sirap sampai	5 ml

Apakah keperluan-keperluan perekodan, dengan merujuk kepada seksyen dan nama undang-undang yang berkaitan, untuk pengeluaran dan penjualan persediaan batuk ini oleh pengilang? Jika formula itu diubahsuai dengan menambah kekuatan Kodein Fosfat kepada 130 mg per 5 ml., apakah pula keperluan-keperluan perekodan untuk jualan persediaan batuk ini oleh pengilang?

(18 markah)

3. (a) Misalkan anda bekerja di dalam sebuah syarikat perniagaan antarabangsa yang berurusan dengan pengimportan Morfina Hidroklorida BP untuk dieksportkan semula ke negara-negara ASEAN. Terangkan prosedur dan dokumen-dokumen yang terlibat seperti yang diperlukan oleh Akta Dadah Merbahaya 1952, apabila anda mengimport satu konsainan (consignment) dadah merbahaya ini dari Jepun ke Malaysia dan kemudian mengeksportkan semula dadah tersebut ke Indonesia.

- (b) Jika melalui perancangan, bahawa konsainan tersebut perlu dihantarkan dengan kapal laut dari Jepun kepada pelanggan di Indonesia dengan perhentian singgah di Pelabuhan Kuantan, Pahang dan konsainan tersebut perlu dilencongkan ke Burma oleh sebab-sebab yang tak dapat dielakkan, terangkan prosedur dan dokumentasi yang perlu dilakukan ketika kapal tersebut berhenti di Pelabuhan tersebut.

(16 markah)

...4/-

4. (a) Apakah jenis-jenis perniagaan yang mesti dilakukan oleh sebuah Badan Koperat sebelum ianya didaftarkan dengan Lembaga Farmasi di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 dan keperluan-keperluan yang dikenakan ke atas Badan Koperat yang menjalankan perniagaan sedemikian.

(b) Apakah hak-hak (entitlement) yang diberikan kepada sebuah Badan Koperat setelah didaftarkan dengan Lembaga Farmasi dan dalam keadaan apakah Lembaga boleh melucutkan (remove) nama Badan Koperat tersebut daripada Daftar?

(16 markah)

5. (a) Terangkan berbagai keperluan pelesenan di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetika 1984 dan keadaan-keadaan (circumstances) di mana lesen-lesen sedemikian adalah dikecualikan.

(b) Terangkan situasi di mana hasil yang tidak didaftarkan di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetika 1984, boleh diimport, dikilangkan, dijual atau dibekalkan.

(16 markah)

...5/-

6. Tuliskan nota-nota ringkas tentang perkara-perkara berikut:

- (a) Iklan-iklan yang dilarang di bawah Akta Ubat (Iklan dan Jualan) 1956.
- (b) Iklan-iklan yang diizinkan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Jualan) 1956 dan keadaan-keadaan di mana iklan tersebut diizinkan.
- (c) Pengelasan racun-racun di bawah Akta Racun 1952.
- (d) Pembekalan racun-racun kepada pesakit luar dalam hospital kerajaan.

(16 markah)

-00000-